

BUKU ILMIAH UNTUK GOLONGAN ISTIMEWA: KAJIAN KES DI PENERBIT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG SELANGOR

Mohd Ashri Ismail, Sharil Nizam Sha'ri, Mohd Hazreen Shah Hassan & Norul Haida Reduzan
ashrismail@gmail.com
Universiti Putra Malaysia (UPM) & Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

ABSTRAK

Penerbitan sesebuah buku, khususnya berkaitan dengan golongan istimewa masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan mana-mana penerbit. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti buku-buku ilmiah yang telah diterbitkan berkaitan dengan golongan istimewa dan kerelevanannya untuk diterbitkan dan dipasarkan kepada khalayak umum. Dalam kajian ini, kajian ini berbentuk kajian kes terhadap pencapaian Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam menerbitkan buku-buku berkaitan golongan istimewa ini. Selain itu, data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks terhadap kandungan buku-buku yang diterbitkan khusus kepada golongan istimewa. Hasil kajian mendapati bahawa sekitar tahun 2005-2012, Penerbit UPM telah menerbitkan sebanyak 14 judul buku ilmiah berkaitan dengan golongan istimewa yang telah dihasilkan oleh golongan akademik. Hal ini menunjukkan bahawa kewibawaan Penerbit UPM dan kegigihan golongan akademik dalam menghasilkan manuskrip serta buku ilmiah yang berkualiti semakin terserlah. Penerbitan sesebuah buku ilmiah bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat. Ternyata, pengetahuan yang dilalui ketika proses penerbitan seperti penilaian, penyuntingan, pencetakan dan pemasaran, dapat memberikan sokongan padu, sumber kekuatan hidup kepada golongan istimewa di Negara ini.

Kata kunci: *Penerbit UPM, golongan istimewa, buku ilmiah, relevan, sumbangan, pengiktirafan.*

PENGENALAN

Penerbit UPM ditubuhkan atas kelulusan majlis universiti pada tahun 1977. Pada masa itu, hal ehwal penerbitan dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada Naib Canselor sebagai Pengerusi dan lima pegawai akademik sebagai ahli.

Dari sebuah unit yang terletak di bawah pentadbiran Perpustakaan UPM, Penerbit kini adalah sebuah PTJ yang beroperasi di bawah pengurusan seorang Ketua Penerbit. Dasar-dasar Penerbit ditentukan oleh Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JKPU) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Sejak sembilan tahun yang lalu, Penerbit telah mempunyai bangunan sendiri yang terletak bersebelahan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, dilengkapi peralatan merekabentuk dan perisian komputer terkini. Penerbit UPM telah mempelbagai bidang kepengarangannya dengan menerbitkan buku-buku ilmiah dalam pelbagai bidang, jurnal, prosiding, laporan tahunan dan sebagainya.

Sehingga kini, kerancangan penerbitan yang diuruskan oleh Penerbit UPM semakin pesat dengan menangani pelbagai jenis bidang manuskrip dan judul yang dihasilkan oleh golongan academia. Atas dasar, penerbitan ilmiah menyebarkan kesarjanaan ilmu kepada masyarakat ternyata buku-buku yang diterbitkan di Penerbit UPM turut memfokuskan kepada individu, kelompok, dan keluarga yang menghadapi kesukaran dalam kehidupan dan mereka berhak hidup di dunia ini sama seperti manusia yang normal, berjaya dan bahagia yang lain.

Menurut Mohd. Zubir Mat Jafri, Lim Hwee San & A'watif Ahmad (2009), buku adalah bentuk penerbitan yang paling sukar dihasilkan kerana memerlukan latar belakang dan teori yang sangat kukuh dan mantap. Dalam bentuk hasil penerbitan ini, penyelidik perlu menggaitkan latar belakang dengan hasil penyelidikan dan buku juga boleh menggabungkan pengalaman dan pandangan peribadi penulis; ia merupakan gabungan pernyataan umum dan pernyataan yang spesifik.

Tidak dinafikan, buku ilmiah berkaitan golongan istimewa seperti menghidap penyakit yang kritikal, dilahirkan sebagai orang kelainan upaya (OKU), dilanda masalah yang sukar untuk dihadapi, dan golongan wanita dan kanak-kanak yang berhadapan dengan masalah dan ancaman. Berdasarkan penulisan ini, didapati Penerbit UPM sudah menerbitkan beberapa buku yang berkaitan golongan istimewa dan sudah dipasarkan kepada umum.

OBJEKTIF

Kajian ini dilakukan untuk:

- i. Mengetahui isi kandungan buku-buku untuk golongan istimewa yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Putra Malaysia
- ii. Membincangkan relevansi buku untuk golongan istimewa yang diterbitkan dan dipromosikan kepada umum

METODOLOGI

Makalah ini dihasilkan dengan menggunakan kajian kes terhadap pencapaian Penerbit UPM dalam menerbitkan buku untuk golongan istimewa dan secara analisis teks terhadap kandungan buku-buku yang diterbitkan khusus kepada golongan istimewa.

DAPATAN KAJIAN

Penulisan ini dibuat berdasarkan 14 judul buku ilmiah yang dihasilkan oleh golongan akademik dan diterbitkan oleh Penerbit UPM, Serdang. Jadual 1 menunjukkan sebahagian judul yang diterbitkan pada tahun 2005 sehingga 2012 dan dipilih secara rawak sebagai data kajian.

Daripada 14 judul yang ada dalam Jadual 1, hanya 11 judul yang dibincangkan dalam penulisan ini. Ternyata, buku ilmiah yang dihasilkan oleh penulis dan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan English ini menjadi pilihan buku untuk golongan istimewa.


Hal ini kerana jenis bahan yang diterima oleh Penerbit UPM adalah, karya asal yang bersifat ilmiah, terutama yang ditulis dalam bentuk buku dalam bidang pertanian, sains, teknologi dan sains kemasyarakatan, termasuklah juga bahan pendidikan sama ada buku teks karya dalam bahasa Melayu, terutamanya dalam bidang sains, teknologi dan sains kemasyarakatan (Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2013)

Jadual 1: Judul buku yang dikaji

| Bil. | Judul | Penulis/Editor/Tahun |
|------|---|--|
| 1 | <i>Coaching Athletes with Disabilities</i> | Nagoor Meera Abdullah, Kwame Ampofo Boateng & Rozita Abd Latif (2012) |
| 2 | Pendidikan dan Masyarakat : Peranan Institusi Sosial | Maimunah Ismail & Abdul Rasid Jamian (Editor) (2011) |
| 3 | Terapi Kognitif Tingkah Laku bagi Rawatan Anzieti | Firdaus Mukhtar & Tian Po Oei (2011) |
| 4 | Terapi Kognitif Tingkah Laku bagi Rawatan Kemurungan | Firdaus Mukhtar & Tian Po Oei (2011) |
| 5 | Amalan Penyeliaan Kaunseling | Othman Mohamed (2008) |
| 6 | Education for Diverse Learners | Ramlee Mustapha, Norzaini Azman & Abdul Razak Ahmad (2009) |
| 7 | Keluarga, Kanak-kanak & Remaja | Rozumah Baharudin & Rahimah Ibrahim (2008) |
| 8 | Kemiskinan di Malaysia | Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (2010) |
| 9 | Memahami Pelajar Berisiko: Ke Arah Pembangunan Kerjaya Keusahawanan | Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (2008) |
| 10 | Memahami Pertuturan Kanak-kanak melalui Analisis Pragmatik | Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) |
| 11 | Memperkasa Pendidikan Pelajar Berisiko | Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi (2005) |
| 12 | Psychological Profile of At-Risk Students in Malaysia | Habibah Elias, Nooren Noordin, Rahil Hj, Mahyuddin, Mohd Sofian Omar Fauzee, Maria Chong Abdullah & Samsilah Roslan (2008) |
| 13 | Separation Anxiety Disorder: What Families Can Do | Sakineh Mofrad, Rohani Abdullah & Ikechukwu Uba (2010) |
| 14 | Silence Suffering and The Female Voice in Plays by K.S Maniam & Sarah Daniels | Wan Roselezam Wan Yahya (2009) |

Relevan buku untuk golongan istimewa yang diterbitkan dan dipromosikan kepada umum

Penerbitan buku ilmiah menjadi bahan bacaan dan rujukan untuk masyarakat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman hidup melalui proses membaca dan penghayatan teks yang dibaca. Walaupun, pelbagai proses kerja, dan cabaran yang dilalui oleh Penerbit UPM, buku ilmiah perlu sentiasa diterbitkan dan sedia menerima manuskrip berkualiti daripada golongan akademik yang ingin membukukan pengetahuan mereka yang dipelajari di peringkat sarjana mahupun pengajian doktor falsafah. Justeru, buku terbitan Penerbit UPM mempunyai relevan dan sumbangan kepada golongan istimewa di Negara.



Pendidikan dan Masyarakat: Peranan Institusi Sosial

Buku ini jelas mengiktiraf institusi sosial dalam membangunkan masyarakat melalui pendidikan. Kekuatan buku ini ialah dapat mengadun aspek pendidikan yang luas daripada yang tidak formal sehingga formal. Isi berkaitan pendidikan dilihat daripada perspektif permasalahan yang berlaku di luar bilik darjah atau dalam masyarakat. Penulisan di dalam buku ini adalah berdasarkan pengalaman penulis dalam pelbagai bidang pendidikan termasuk pembangunan sumber manusia yang dipercayai bahawa sumber manusia yang perlu dibangunkan berada di mana-mana sahaja iaitu dalam organisasi dan masyarakat. Buku ini diharap dapat dijadikan rujukan kepada pembaca umum serta penyelidik, pendidik, pemimpin institusi sosial perlu digembleng dalam membimbing murid, pelajar, keluarga dan ahli masyarakat yang menganggotai puluhan jenis institusi social dengan wawasan dan perjuangan yang berbeza tetapi satu matlamat membangunkan Negara.

Coaching Athletes with Disabilities (Melatih Atlet Ketakupayaan)

Buku ini ialah satu panduan praktikal untuk melatih kaedah dan menafsir atlet dengan ketidakupayaan dengan berkesan dan cekap, serta menjadi satu garis panduan bagi kejurulatihan pengamal sukan yang berhadapan dengan atlet ketidakupayaan dan juga rujukan sahih secara teori dan amalan dalam bidang ini. Secara mendalamnya, buku ini membincangkan ketidakupayaan pelbagai keadaan dalam melatih mereka dan juga mengajar pembaca tentang amalan penilaian kesihatan merentasi ketidakupayaan pelbagai. Ciri-ciri termasuk garis panduan pengenalan bakat untuk orang ketidakupayaan, kesihatan dan ujian prestasi di kalangan pemain bola keranjang berkerusi roda, trek dan atlet padang dan juga pemain-pemain bola, sukan kecacatan, pengkelasan sukan kecacatan, senaman dan kerusi roda terikat atlet dan berlatih dan prinsip umum dalam melatih atlet dengan ketidakupayaan sebagai kandungan. Buku ini turut berkongsi ilmu sebagai satu panduan untuk individu yang berdepan dengan atlet ketidakupayaan secara umumnya seperti kejurulatihan sukan, jurulatih fizikal, jurulatih kesihatan, pegawai sukan dan juga penyelidik yang berminat dengan bidang itu.




Terapi Kognitif Tingkah Laku bagi Rawatan Anzieti

Terapi Kognitif Tingkah Laku bagi Rawatan Anzieti ini mempunyai lapan sesi yang boleh dijalankan secara kelompok atau individu oleh ahli terapi yang telah dilatih untuk menggunakannya. Buku ini amat berguna sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada individu yang berminat untuk mengetahui teknik kognitif tingkah laku dalam menguruskan gejala kebimbangan dan keresahan dan kaitannya dengan fikiran negatif dan tingkah laku yang pasif.

Terapi Kognitif Tingkah Laku bagi Rawatan Kemurungan

Terapi Kognitif Tingkah Laku bagi Rawatan Kemurungan ini mempunyai lapan sesi yang boleh dijalankan secara kelompok atau individu oleh ahli terapi yang telah dilatih untuk menggunakannya. Buku ini amat berguna sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada individu yang berminat untuk mengetahui teknik kognitif tingkah laku dalam menguruskan gejala kemurungan dan kaitannya dengan fikiran negatif dan tingkah laku.




Education for Diverse Learners

Buku ini dihasilkan dengan memberikan kesedaran tentang pendidikan dan latihan kepada pelajar yang berisiko kerana penyelidikan bidang ini masih berkurangan di Malaysia. Secara langsung, kandungannya membolehkan guru-guru, pentadbir sekolah, dan pegawai pendidikan membangunkan kurikulum yang lebih relevan dan program-program sokongan untuk pelajar berisiko di Malaysia. Inti

patinya turut menyedarkan masyarakat bahawa pelajar berisiko menjadi harapan masa depan di negara kita: mereka menjadi sumber manusia berpotensi, bakal usahawan yang berjaya, dan menjadi aset negara yang berharga seperti semua aset lain serta memerlukan sokongan semua pihak untuk membantu mereka berjaya.

Separation Anxiety Disorder: What Families Can Do?
(Gangguan Kebimbangan Perpisahan: Apa Keluarga Boleh Lakukan?)

Buku ini secara tuntasnya menjelaskan dan mendidik keluarga dalam situasi gangguan kebimbangan perpisahan di kalangan kanak-kanak. Ia berharap menyumbang kepada pengetahuan saintifik di kebimbangan zaman kanak-kanak dan menyediakan maklumat bertujuan memupuk perubahan di penyesuaian sosial anak. Seterusnya, kandungan buku ini memberikan kerangka teoretis yang membantu untuk menguatkan pembangunan anak. Maklumat daripada buku ini boleh digunakan dalam pembangunan program pencegahan barhau atau permohonan profesional penilaian dan program campur tangan. Tambahan pula, buku ini berguna kepada ibu bapa dalam mengendalikan kebimbangan perpisahan di kalangan anak-anak mereka.



Amalan Penyeliaan Kaunseling

Buku ini memberikan cara untuk membuat konseptualisasi kes kaunseling mengikut pendekatan teori kaunseling, penulis juga menerangkan cara membuat diagnosis, perancangan rawatan serta laporan kaunseling mengikut piawai amalan terbaik, Pedagogi latihan penyeliaan kaunseling merupakan kelimuan baru daalm bidang ini yang dikemukakan oleh penulis. Sehubungan itu, pendekatan konstruktivisme diterapkan sebagai satu paradigm pengajaran dan perspektif yang memberi fokus kepada ekologi budaya serta piawai amalan terbaik dalam penyeliaan kaunseling. Menariknya, buku ini turut mengulas tentang etika penyeliaan kaunseling sesuai dengan Akta Kaunselor 580, Akta Malaysia.

Keluarga, Kanak-kanak & Remaja

Kecemerlangan bangsa bergantung kepada kualiti individu, keluarga dan masyarakat. Individu yang berkualiti terhasil daripada perkembangan dalam aspek fizikal, intelek, emosi dan rohani sejak bayi dalam kandungan ibu lagi. Proses perkembangan normatif boleh dipantau supaya kesan positif pembangunan seimbang dapat dimanfaatkan sepanjang hayat. Di samping itu, hubungan individu dengan orang lain akan membentuk satu ikatan yang berasaskan kepercayaan. Elemen kepercayaan ini adalah amat penting daalm kumpulan tertutamanya dalam sebuah keluarga kerana terdapatnya harapan yang perlu dipenuhi (hak) dan peranan yang perlu dilaksanakan (tanggungjawab).

Justeru, perkembangan manusia, pembangunan modal onsan dan modal sosail perlu turur serta dalam arus perdana pembangunan negara. Buku ini membincangkan perkembangan sepanjang hayat dan memberi panduan yang berguna untuk melahirkan generasi seimbang supaya terus resilien dalam menghadapi cabaran semasa.



Memahami Pertuturan Kanak-kanak melalui Analisis Pragmatik

Buku ini dihasilkan untuk menambah koleksi buku penyelidikan yang memberi fokus kepada bidang pragmatik. Di samping itu, kajian tentang pertuturan kanak-kanak prasekolah menggunakan pendekatan pragmatik masih belum mencukupi. Justeru, kajian penulis peringkat sarjana ini telah dikemas kini dan diterbitkan dalam bentuk buku ilmiah. Sudah tentu, buku ini dapat memberi pendedahan kepada para pembaca tentang makna pertuturan kanak-kanak prasekolah supaya aspek ketersiratan dapat dijelaskan dan kandungan pemikiran kanak-kanak dapat difahami.

Memperkasa Pendidikan Pelajar Berisiko

Buku ini membincangkan dapatan kajian tentang pembangunan sumber manusia untuk pelajar berisiko. Skop perbincangan buku tidak terbatas kepada keberkesanan program pendidikan untuk pelajar berisiko, motivasi keusahawanan dan aspirasi kerjaya pelajar berisiko serta keperluan pelajar berisiko dan peranan guru untuk melaksanakan program untuk pelajar berisiko. Malah, turut memerihailah pelaksanaan program dan aktiviti Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya pelajar berisiko di Negara ini. Buku ini sesuai untuk bahan bacaan dan kegunaan bakal guru yang sedang menjalani program pendidikan di Institut Pendidikan Guru dan IPTA.

Kesemua buku yang dihuraikan dan diterbitkan oleh Penerbit UPM, Serdang mempunyai nilai relevan kepada golongan istimewa dan masyarakat untuk bersama-sama berkongsi ilmu pengetahuan yang jarang diketahui oleh umum. Kebiasaannya, buku ilmiah hanya memberi fokus kepada bidang-bidang tertentu dan kepada golongan normal. Walaupun, ada buku ilmiah yang diterbitkan dan dijual di pasaran, khusus untuk golongan istimewa, tetapi tidak diketahui oleh masyarakat.

Memahami Pelajar Berisiko: Ke Arah Pembangunan Kerjaya Keusahawanan

Buku ini merupakan salah satu daripada tiga buku teks yang dihasilkan berasaskan penyelidikan IRPA bertajuk *Human Resources Development for At-Risk Children*. Penulis sebagai ketua projek penyelidikan menghasilkan buku ini untuk memberi peluang mengupas teori asas dan falsafah pembangunan pelajar berisiko yang boleh dijadikan panduan membentuk pelajar golongan ini menjadi insan berguna terutama untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya. Hal ini kerana mereka mempunyai potensi besar untuk berjaya dan memerlukan bantuan serta sokongan yang padu, ikhlas dan jujur daripada kita semua iaitu ibu, ayah, guru dan pentadbir pendidikan.

KESIMPULAN

Kewibawaan Penerbit Universiti Putra Malaysia dan kegigihan golongan akademik menghasilkan manuskrip serta buku ilmiah yang berkualiti semakin terserlah dan dapat memberikan panduan hidup kepada semua lapisan masyarakat di Negara ini. Penerbitan buku ilmiah yang bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat dapat dikembangkan kepada golongan yang normal mahupun golongan kelainan upaya. Ternyata, pengetahuan yang melalui proses penerbitan seperti penilaian, penyuntingan, pencetakan dan pemasaran, dapat memberikan sokongan padu, sumber kekuatan hidup kepada golongan istimewa di negara ini.

RUJUKAN

- Chin Kho Nee. 2002. Penggunaan Media di Kalangan Minoriti: Satu Kajian Kes Golongan Cacat Penglihatan di Kuala Lumpur. Tesis Master Pengajian Penerbitan, Universiti Malaya.
- Jama'yah Zakaria. 2002. Penyuntingan dalam penerbitan. *Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Monograf, Bil. 7, Julai. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1990). *Gaya Dewan*, Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zubir Mat Jafri, Lim Hwee San & A'watif Ahmad (2009). Penerbitan daripada penyelidikan oleh Penerbit Universiti APEX. *Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah 2009*. Kuala Lumpur.
- Penerbit Universiti Putra Malaysia. Katalog Penerbit UPM 2009. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Penerbit Universiti Putra Malaysia. 2013. Katalog Penerbit UPM 2013. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM). Direktori dan Katalog bersama MAPIM 2008/2009. Kuala Lumpur: MAPIM.